

Kertas Bil. 53/2022

**LAPORAN JAWATANKUASA
PERATURAN-PERATURAN TETAP
DEWAN NEGERI SELANGOR**

***“ Cadangan Pindaan Peraturan-Peraturan Tetap
Dewan Negeri Selangor”***

JAWATANKUASA PERATURAN-PERATURAN TETAP DEWAN NEGERI SELANGOR KEEMPAT BELAS

LAPORAN JAWATANKUASA PERATURAN-PERATURAN TETAP DEWAN NEGERI SELANGOR

1. Mengikut Peraturan 69 (3), Peraturan-Peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor, adalah menjadi kewajipan Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap menimbang dari satu masa ke satu masa mengeluarkan penyata kepada Dewan berkenaan dengan perkara-perkara berkaitan dengan Peraturan-Peraturan Tetap yang diserahkan oleh Dewan kepadanya bagi dibentangkan.
2. Dewan Negeri Selangor yang bersidang pada Mesyuarat Pertama (Pembukaan) Penggal Kelima Dewan Negeri Selangor Keempat Belas Tahun 2022 yang lalu telah meluluskan Penyata Jawatankuasa Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berhubung beberapa Klausula pada Bahagian I – III, Peraturan Tetap Dewan yang memasukkan beberapa asas / prosiding yang membolehkan Persidangan Secara Dalam Talian Secara Keseluruhan atau Separa Atas Talian dijalankan.
3. Lanjutan daripada itu, keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri menerusi Kertas Ringkasan MMK. No. 43 / 7 / 2022 bertarikh 9 Mac 2022 yang disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke 8 / 2022 pada 30 Mac 2022 seperti berikut:

“Selanjutnya, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bersetuju agar Pejabat Dewan Negeri Selangor meneliti semula ulasan Kamar Penasihat Undang-Undang Negeri (Lampiran C) untuk dipertimbangkan dalam Pindaan Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor”.

4. Ucapan Y.A.B. Dato Menteri Besar Selangor pada Mesyuarat Pertama (Pembukaan) Penggal Kelima Dewan Negeri Selangor bertarikh 21 Mac 2022 (Isnin) seperti berikut:

"...Namun begitu saya percaya setelah melalui beberapa proses, kita masih lagi belum mempertimbangkan ataupun memasukkan dalam Jadual C ya, yang mana kita menetapkan secara jitu, satu, dua, tiga, empat tapi ini perkara baharu dan daripada masa ke semasa saya rasa kita terbuka untuk meminda semula ataupun menambah semula, menambah baik tapi pada tahap ini saya percaya kita telah membuka ruang satu mekanisme dan juga paradigma baharu Persidangan yang boleh dianjurkan secara dalam talian. Dan ini bukan perkara asing kerana di peringkat tempat lain di dunia kita dapati mereka juga mengadakan persidangan di dalam talian dan kita tidak mengganggu tugas-tugas ataupun penetapan dan juga tanggungjawab kita selaku Ahli Dewan untuk dilaksanakan walaupun dalam keadaan kecemasan, darurat dan sebagainya."

5. Sehubungan itu, Jawatankuasa Peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor telah meneliti semula Lampiran C / Jadual C tersebut (dikenali sebagai **JADUAL KEDUA [Peraturan Tetap 10(5) dan Peraturan Tetap 73(16)]**).
6. Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor telah merangka dan memuktamadkan Draf Cadangan Pindaan Peraturan Tetap bagi **Jadual Kedua [Peraturan Tetap 10(5) dan Peraturan Tetap 73(16)] Peruntukan Berhubung Dengan Persidangan Mesyuarat Dewan Dan Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Secara Atas Talian Secara Keseluruhannya Atau Secara Separa Atas Talian**. Pihak Kamar Penasihat Undang-Undang Negeri juga telah mengemukakan ulasan terhadap draf cadangan tersebut menerusi surat bertarikh bertarikh **04 Julai 2022**. Draf Cadangan Pindaan tersebut telah dicadangkan dan disokong di Dewan Negeri Selangor pada **26 Julai 2022** menerusi **Kertas Mesyuarat Bil. 27 / 2022** di Mesyuarat Kedua Penggal Kelima Dewan Negeri Selangor Keempat Belas dan telah **dikembalikan semula kepada Jawatankuasa Peraturan-Peraturan**

Tetap untuk dikeluarkan Penyata kepada Dewan berkenaan cadangan tersebut.


7. Ahli Jawatankuasa Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Peraturan Tetap pada **14 September 2022** untuk memperhalusi Draf Cadangan Pindaan Peraturan Tetap (Kertas Mesyuarat Bil. 27 / 2022) tersebut yang telah dicadangkan dan disokong pada Mesyuarat Kedua Penggal Kelima Dewan Negeri Selangor Tahun 2022 yang lalu.
8. Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor telah bersetuju memasukkan cadangan dalam Draf tersebut ke dalam Penyata Laporan Pindaan Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor Tahun 2022 yang melibatkan Peraturan-Peraturan berikut:

No	Klausa / Rujukan	Keterangan
i	Peraturan 10 (5)	Tambahan baharu
ii	Peraturan 73 (14)	Pindaan
iii	Peraturan 73 (16)	Tambahan baharu
iv	JADUAL [Peraturan Tetap 74(13)]	Pindaan Tajuk
v	JADUAL KEDUA	Tambahan baharu

9. Ahli-Ahli Jawatankuasa Peraturan Tetap telah menerima draf Cadangan Pindaan Peraturan Tetap tersebut dan seterusnya dikemukakan sebagai **Penyata Laporan Jawatankuasa Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor Tahun 2022** dengan mengambil kira ulasan dari pihak Kamar Penasihat Undang-Undang Negeri yang akan dibentangkan pada **Mesyuarat Ketiga (Bajet) Penggal Kelima Dewan Negeri Selangor Yang Keempat Belas Tahun 2022** pada **28 Oktober 2022, 31 Oktober 2022, 01 November – 04 November 2022** dan **07 November – 10 November 2022** akan datang. Ulasan Kamar Penasihat Undang-Undang Negeri telah diterima menerusi surat bertarikh **30 September 2022** dengan rujukan **PU.SEL(ADV)PS(S)05/01/03**.

10. Ahli-ahli Jawatankuasa adalah seperti di **Lampiran A** dan Penyata Laporan Pindaan Peraturan-Peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor 1965 yang dinyatakan adalah di **Lampiran I** dan **Jadual Kedua [Peraturan Tetap 10(5) dan Peraturan Tetap 73(16)] Peruntukan Berhubung Dengan Persidangan Mesyuarat Dewan Dan Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Secara Atas Talian Secara Keseluruhannya Atau Secara Separa Atas Talian di Lampiran II.**

11. Dengan ini, dikemukakan Penyata Laporan Pindaan Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor Tahun 2022 untuk dibentangkan kepada Dewan untuk **diluluskan**.



(**NG SUEE LIM**)

Pengerusi

Jawatankuasa Peraturan-peraturan Tetap

Dewan Negeri Selangor

Tarikh:

4/10/2022

LAMPIRAN A

**SENARAI AHLI JAWATANKUASA PERATURAN-PERATURAN TETAP BAGI
DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS**

- | | | |
|----|--|-----------|
| 1. | Y.B. Tuan Ng Suee Lim

Tuan Speaker,
Dewan Negeri Selangor
(ADN Kawasan Sekinchan) | Pengerusi |
| 2. | Y.B. Tuan Ahmad Mustain bin Othman
(ADN Kawasan Sabak) | Ahli |
| 3. | Y.B. Tuan Gunarajah a/l R George
(ADN Kawasan Sentosa) | Ahli |
| 4. | Y.B. Tuan Leong Tuck Chee
(ADN Kawasan Pandamaran) | Ahli |
| 5. | Y.B. Tuan Muhammad Hilman Bin Idham
(ADN Kawasan Gombak Setia) | Ahli |
| 6. | Y.B. Tuan Harumaini bin Haji Omar
(ADN Kawasan Batang Kali) | Ahli |
| 7. | Y.B. Dato' Mohd Shamsudin bin Lias
(ADN Kawasan Sungai Burong) | Ahli |

**PINDAAN PERATURAN-PERATURAN TETAP
BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR 1965**

BIL.	PERATURAN TETAP ASAL	CADANGAN PINDAAN PERATURAN TETAP (SYOR JAWATANKUASA)	ULASAN JAWATANKUASA
1.	Istiadat pembukaan penggal majlis dan mesyuarat	<p>Tambahan PT 10 (5)</p> <p>(5) Bagi maksud perenggan (4), perjalanan Mesyuarat Dewan secara atas talian secara keseluruhannya atau secara separa atas talian adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.</p>	<p>Jawatankuasa telah bersetuju dan memutuskan untuk memasukkan tambahan Peraturan Tetap 10(5) adalah untuk menetapkan jadual Peruntukan Berhubung Dengan Persidangan Mesyuarat Dewan Dan Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Secara Atas Talian Secara Keseluruhannya Atau Secara Separata Atas Talian.</p>
2.	<p>Aturan dalam Jawatankuasa Pilihan</p> <p>PT 73 (14)</p> <p>Jadual Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan hendaklah menjadi sebahagian daripada aturan Peraturan Tetap 73 ini.</p>	<p>Pindaan PT 73 (14)</p> <p>Jadual Pertama hendaklah menjadi sebahagian daripada Peraturan Tetap 73 ini.</p>	<p>Jawatankuasa telah meneliti cadangan dari Kamar Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor dan bersetuju untuk membuat pindaan di Peraturan Tetap 73 (14).</p> <p><u>Justifikasi Pindaan-</u></p> <ul style="list-style-type: none"> ➤ Pindaan kepada Peraturan Tetap 14 dibuat untuk menggantikan perkataan "Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan" dengan perkataan "Pertama" agar selaras dengan cadangan memasukkan Jadual baharu Jadual Kedua di Lampiran II. ➤ Jadual Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan sedia ada akan menjadi "Jadual Pertama" di dalam Peraturan-Peraturan Tetap Dewan

**PINDAAN PERATURAN-PERATURAN TETAP
BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR 1965**

3.	Aturan dalam Jawatankuasa Pilihan	<p>Tambahan PT 73 (16)</p> <p>(16) Bagi maksud perenggan (15), perjalanan mesyuarat Jawatankuasa Pilihan secara atas talian secara keseluruhannya atau secara separa atas talian adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.</p>	Jawatankuasa bersetuju dan memutuskan untuk memasukkan tambahan baharu Pindaan Peraturan Tetap 73(16). Peraturan Tetap baharu ini adalah untuk menetapkan jadual Peruntukan Berhubung Dengan Persidangan Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Secara Atas Talian Secara Keseluruhannya Atau Secara Separata Atas Talian.
4.	<p>JADUAL</p> <p>[Peraturan Tetap 73(14)]</p> <p>Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan</p>	<p>Pindaan tajuk "JADUAL"</p> <p>"JADUAL <u>PERTAMA</u>"</p> <p>[Peraturan Tetap 73(14)]</p> <p>Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan</p>	Jawatankuasa bersetuju dan memutuskan untuk meminda Peraturan Tetap ibu dengan menggantikan tajuk "JADUAL" sedia ada dengan tajuk "JADUAL PERTAMA" supaya menjadi rujukan yang lebih jelas kepada ahli Dewan Negeri.
5.	JADUAL KEDUA	<p>Tambahan JADUAL KEDUA</p> <p>Adalah seperti di Lampiran II.</p>	Jawatankuasa bersetuju dengan cadangan Kamar Penasihat Undang-Undang (PUU) untuk tambahan Jadual Kedua selaras dengan tambahan Peraturan Tetap 10(5) dan Peraturan Tetap 73(16) untuk melancarkan perjalanan persidangan Dewan dan mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Secara Atas Talian Secara Keseluruhannya Atau Secara Separata Atas Talian.

JADUAL KEDUA

[Peraturan Tetap 10(5) dan Peraturan Tetap 73(16)]

**PERUNTUKAN BERHUBUNG DENGAN MESYUARAT DEWAN DAN
MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN SECARA ATAS TALIAN SECARA
KESELURUHANNYA ATAU SECARA SEPARA ATAS TALIAN**

1. Jadual ini adalah tertakluk kepada peruntukan dalam Jadual di bawah Perkara LXXVII Kuasa dan Keistimewaan Dewan Negeri, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959 dan Peraturan-Peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor.

Tafsiran

2. Dalam Jadual ini, melainkan konteksnya menghendaki makna yang lain-

“Mesyuarat” bagi maksud jadual ini ertinya perjalanan persidangan Mesyuarat Dewan atau Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan yang mana berkenaan, dengan kehadiran sebahagian ahli Dewan atau ahli Jawatankuasa Pilihan secara fizikal dan sebahagian yang lain hadir atau berada secara atas talian;

“Dewan” termasuklah mana-mana tempat Mesyuarat yang ditetapkan oleh Speaker;

“tempat” termasuklah ruang siber, ruang maya atau tempat maya”;

Masa persidangan

3. Masa persidangan adalah menurut Peraturan Tetap 11 melainkan jika ditetapkan selainnya oleh Speaker.

Ketetapan kerusi dan kehadiran ahli

4. (1) Penetapan kerusi bagi setiap ahli Dewan yang hadir di Dewan hendaklah sebagaimana yang ditetapkan oleh Speaker.

(2) Ahli Dewan yang hadir secara atas talian atau secara separa atas talian hendaklah memastikan kamera sentiasa disiarkan dan boleh dilihat, mendengar dan didengar dengan jelas oleh Speaker sepanjang persidangan Mesyuarat berlangsung.

(3) Kuorum bagi Dewan dan Jawatankuasa keseluruhan Dewan hendaklah selaras dengan Peraturan Tetap 12.

(4) Walau apa pun Peraturan Tetap 12, bagi maksud Jadual ini, cara membilang kehadiran dan kaedah ketetapan kuorum bagi Dewan dan

jawatankuasa keseluruhan Dewan hendaklah sebagaimana yang ditetapkan oleh Speaker.

Mengangkat sumpah

5. (1) Sumpah oleh ahli Dewan hendaklah dibuat selaras dengan peruntukan Perkara LXXII Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959 dan Peraturan Tetap 5.

(2) Sumpah yang dilafazkan oleh ahli Dewan di mana-mana tempat dianggap telah sempurna.

(3) Cara dan masa untuk ahli dewan menurunkan tandatangan di dalam buku yang disimpan oleh Setiausaha Dewan hendaklah ditetapkan oleh Speaker.

Aturan dan susunan aturan mesyuarat

6. Urusan bagi setiap Mesyuarat Dewan hendaklah mengikut aturan dan susunan dalam Peraturan Tetap 13 dan Peraturan Tetap 14 melainkan jika ditetapkan selainnya oleh Speaker.

Kertas-kertas mesyuarat, Rang Undang-Undang dan risalat Mesyuarat

7. Bagi maksud Jadual ini, Speaker boleh menetapkan cara dan kaedah setiap Kertas-kertas mesyuarat, Rang Undang-Undang dan risalat Mesyuarat untuk dibawa, dihantar dan dibentang di atas meja Dewan.

Cara dan Kaedah membuat Pertanyaan dan menjawab Pertanyaan

8. Pelaksanaan cara dan kaedah membuat dan menjawab pertanyaan adalah sebagaimana menurut Peraturan Tetap Dewan dan bagi maksud Jadual ini, mana-mana cara dan kaedah sedia ada boleh diubahsuai dan ditetapkan oleh Speaker.

Usul

9. Cara sesuatu usul yang dibawa ke dalam Mesyuarat dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengan mengubah, meminda, menyokong dan membahaskan usul hendaklah berasaskan Peraturan Tetap Dewan dan bagi maksud Jadual ini Speaker boleh menetapkan cara lain yang difikirkan sesuai.

Masa dan cara bercakap

10. (1) Masa dan cara bercakap secara atas talian hendaklah mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Speaker.

(2) Bagi memastikan persidangan Mesyuarat berjalan dengan lancar, ahli Dewan perlu memaklumkan kepada Speaker dalam tempoh yang ditetapkan berkenaan hasrat untuk mengambil bahagian dalam perbahasan.

(3) Jika seseorang ahli Dewan yang sedang berbahas secara atas talian dimana-mana tempat mengalami masalah teknikal, Speaker boleh memberi peluang semula kepada ahli itu setelah masalah tersebut diatasi.

Undian

11. Tatacara mengundi, undi suara dan belah bahagian dalam Mesyuarat Dewan dan Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan adalah sebagaimana yang ditetapkan oleh Speaker.

Peraturan perbahasan Rang Undang-Undang dan Rang Undang-Undang Perbekalan

12. (1) Peraturan perbahasan Rang Undang-Undang dan Rang Undang-Undang Perbekalan dalam Mesyuarat hendaklah ditetapkan oleh Speaker.

(2) Ahli Dewan perlu memaklumkan kepada Pengerusi dalam tempoh yang ditetapkan berkenaan hasrat untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-Undang dan Rang Undang-Undang Perbekalan.

Adab dan Tertib dalam Mesyuarat

13. (1) Adab dan Tertib dalam Mesyuarat boleh ditentukan oleh Speaker dari semasa ke semasa.

(2) Pengerusi hendaklah memerintahkan mana-mana ahli yang menghadiri persidangan Dewan secara atas talian yang berkelakuan tidak senonoh atau melakukan perbuatan yang menghina Dewan atau terus tidak mengendahkan kuasa Pengerusi keluar daripada Dewan bagi tempoh satu hari atau tidak melebihi lima hari dengan memutuskan sambungan persidangannya secara atas talian.

Jawatankuasa Pilihan

14. (1) Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan secara separa atas talian hendaklah melibatkan kehadiran tiga (3) ahli Jawatankuasa secara fizikal di bilik mesyuarat.

(2) Pegawai Kerajaan dan sesiapa yang dipanggil boleh hadir secara fizikal atau secara atas talian bagi tujuan taklimat, pendengaran tertutup dan/atau pendengaran awam bergantung kepada pertimbangan Pengerusi Jawatankuasa melalui kaedah yang ditetapkan.

Kecualian

15. Bagi maksud Jadual ini, apa-apa perkara lain yang berkaitan dengan perjalanan berhubung dengan mesyuarat dewan dan mesyuarat Jawatankuasa Pilihan secara atas talian secara keseluruhannya atau secara separa atas talian yang tidak dinyatakan secara nyata dalam Jadual ini, boleh ditetapkan oleh Speaker dari semasa ke semasa.